**MINIT MESYUARAT *WORKING GROUP* LHDNM DENGAN PERSATUAN AKAUNTAN DESIRE - BIL. 3/2008**

| | |
|---|---|
| Tarikh: | 18 Julai 2008 (Jumaat) |
| Masa: | 9.30 pagi |
| Tempat: | Bilik Mesyuarat Aras 18,<br>Jabatan Pemprosesan<br>Menara C, Persiaran MPAJ, Jalan Pandan Utama,<br>Pandan Indah, Kuala Lumpur |

**Kehadiran:**

| | | |
|---|---|---|
| 1. | Y. Bhg. Dato' Dr. Mohd. Shukor Bin Hj. Mahfar | Timbalan Ketua Pengarah (Operasi)<br>**(Pengerusi)** |
| 2. | Puan Asriah Bt. Shaari | Pengarah Negeri Selangor |
| 3. | Cik Puteh Mariah Bt. Harun | Pengarah Bahagian Operasi,<br>Jabatan Pengurusan Hasil |
| 4. | Encik Mohammed Noor Bin Ahmad | Pengarah Jabatan Pemprosesan |
| 5. | Puan Mariam Bt. Mohd | Timbalan Pengarah,<br>Jabatan Teknologi Maklumat |
| 6. | Encik Sani Bin Mohd Taib | Pengarah<br>Bahagian Aplikasi e-Services<br>Jabatan Teknologi Maklumat |
| 7. | Puan Teoh Ai Suan | Pengarah<br>Bahagian Duti Setem<br>Jabatan Pengurusan Hasil |
| 8. | Cik Norhayati Bt. Mat Kassim | Timbalan Pengarah<br>Bahagian Operasi<br>Jabatan Pengurusan Hasil |
| 9. | Puan Umi Kalsom Bt. Harun | Ketua Penolong Pengarah<br>Bahagian Pungutan<br>Jabatan Pengurusan Hasil |



ROM : BHG PERANCANGAN &DASAR OPERASI FAX NO. :0362035425 Aug. 06 2008 12:02PM P1

| | | |
|---|---|---|
| 10. | Encik Md Seniman Bin Selamat | Ketua Penolong Pengarah<br>Bahagian Operasi<br>Jabatan Pengurusan Hasil<br>(Urus setia) |
| 11. | Puan Ooi Chooi Peng | Penolong Pengarah<br>Bahagian Operasi<br>Jabatan Pengurusan Hasil<br>(Urus setia) |
| | **Wakil Persatuan Akauntan** | |
| 12. | Dr. Veerinderjeet Singh | Malaysian Institute of Taxation (MIT) |
| 13. | Encik Khoo Chin Guan | MIT |
| 14. | Encik Lai Soon Ean | MIT |
| 15. | Encik Trevor Keegan | MIT |
| 16. | Encik Lim Kok Seng | MIT |
| 17. | Encik Sam Soh Siong Hoon | Malaysian Institute of Accountants (MIA) |
| 18. | Cik Frances Po | MIA |
| 19. | Cik Cheong Li Wei | MIA |
| 20. | Puan Azlina Bt. Zakaria | MIA |
| 21. | Puan Theresa Goh | Malaysian Institute of Certified Public Accountants (MICPA) |
| 22. | Encik Tang Chin Fook | MICPA |
| 23. | Cik Chrystin Liew | MICPA |
| 24. | Encik Saizol Bin Ismail | Malaysian Association of Tax Agents (MATA) |



ROM :BHG PERANCANGAN &DASAR OPERASI FAX NO. :0362035425 Aug. 06 2008 12:04PM P1

| | | |
|---|---|---|
| 25. | Cik Suriany Bt. Samsudin | MATA |
| 26. | Encik Peter Lim | Malaysian Institute Of Chartered Secretaries And Administrators (MAICSA) |
| 27. | Cik Chin Woon Li | MAICSA |
| 28. | Encik Lau Haw Chong | Malaysian Association of Company Secretaries (MACS) |
| 29. | Tuan Haji Osman Bin Ujang | MACS |
| 30. | Tuan Haji Mashat Bin Mat Som | The Institute Of Cooperative & Management Accountants (ICMA) |

| BIL | PERKARA |
|---|---|
| 1. | **PENDAHULUAN**<br><br>Y. Bhg. Dato' Pengerusi mengucapkan selamat sejahtera dan mengalu-alukan kehadiran ahli mesyuarat. Seterusnya Dr. Veerinderjeet memperkenalkan wakil dari Persatuan Akauntan. |
| 2. | **PERBINCANGAN BERDASARKAN MINIT BIL. 2/2008**<br><br>**2.1 Perkara 2.2**<br><br>Mesyuarat dimaklumkan bahawa LHDNM akan mengusulkan *timeline* berkenaan e-Filing dan borang manual selewat-lewatnya pada 20 Ogos 2008. |
| | **2.2 Perkara 2.3**<br><br>Mesyuarat bersetuju untuk membenarkan persatuan akauntan melihat dulu reka bentuk borang nyata pada bulan Oktober iaitu selepas mengambil kira pindaan Belanjawan (jika ada). |
| | **2.3 Perkara 2.5**<br><br>Persatuan Akauntan memaklumkan bahawa walaupun Helaian Kerja tidak perlu dihantar ke LHDNM tetapi pembayar cukai diminta mengemukakan semua Helaian Kerja berkaitan semasa audit meja. Y. Bhg. Dato' Pengerusi memaklumkan bahawa tujuan asal Helaian Kerja hanyalah sebagai panduan kepada pembayar cukai dan bukannya wajib diisi. Walau bagaimanapun, perkara ini akan disemak dengan Jabatan Pematuhan dan akan dimaklumkan kemudian. |
| | **2.4 Perkara 2.7**<br><br>Mesyuarat dimaklumkan bahawa LHDNM dalam proses menaik tarafkan laman web LHDNM. Satu konsep baru iaitu RSS telah dibentangkan kepada pihak pengurusan dan dijangka siap sepenuhnya tahun depan. |
| | **2.5 Perkara 5**<br><br>Y. Bhg. Dato' Pengerusi memaklumkan bahawa sistem e-Filing sebenarnya adalah satu kemudahan kepada Sistem Taksir Sendiri di mana kemudahan pengiraan cukai disediakan oleh sistem tetapi tanpa mengambil kira penalti lewat pengembalian borang. Pembayar cukai adalah dikehendaki menggunakan borang manual yang boleh diperoleh dari cawangan berdekatan ataupun borang pdf dari laman web bagi kes tersalah/terkurang laporkan pendapatan atau pengemukaan borang-borang tahun kebelakangan sebab ia melibatkan penalti yang perlu dikira secara manual. |



FROM :BHG PERANCANGAN &DASAR OPERASI FAX NO. :0362035425 Aug. 06 2008 12:06PM P1

Walau bagaimanapun, persatuan akauntan diminta untuk memaklumkan negara mana yang membenarkan penggunaan e-Filing bagi kes-kes tahun kebelakangan untuk membolehkan LHDNM membuat kajian.

LHDNM akan mengkaji cadangan daripada penyedia perisian untuk memasukkan Slip Pengiriman Bayaran bagi bayaran penalti subseksyen 107C(10) dalam Borang C. Buat masa ini hanya Slip Pengiriman Bayaran dengan kod bayaran 086 yang terdapat dalam Borang C.

**2.6 Perkara 7.3**

Persatuan Akauntan dijangka akan dimaklumkan berkenaan reka bentuk Borang E 2008 pada bulan Ogos setelah mengambil maklum cadangan dan maklum balas dari cawangan dan juga persatuan akauntan.

**3 ISU-ISU DAN CADANGAN DARIPADA MIT, MIA DAN MICPA BERDASARKAN MEMORANDUM BERTARIKH 14 MEI 2008**

**3.1** Isu 3.0 PLATFORMS FOR e-FILING (TAXPAYERS e-FILING)

The e-Filing system has gone through various changes since its initial launch and it would be timely to make an assessment as to whether there will be a need to have further changes to the overall e-filing platform. The Institute is of the view that unless there are some inherent serious defects in the platform, there should not be a need to change the platform. This is to facilitate familiarization with the existing e-filing system. A constant change of the platform creates confusion. It is hope that with effect YA 2008, there will be no new e-filing platform introduced by IRB.

***LHDNM :***
***Mengambil maklum akan cadangan supaya tidak berlaku pindaan yang ketara bagi sistem e-Filing.***

**3.2** Isu 4.0 FEEDBACK ON e-FILING - GENERAL ISSUES

4.1 Improvement on dissemination of e-filing procedures and training programmed.

4.1.1 The IRB information and training centres around how to enter the system but lacks information on how to use the system. For example, in the tax agent e-file module, there is no clarification on the role, function and authority of a system administrator, a tax agent, a supervisor and a staff. Many tax agents have learnt through trial and error. There is also no step by step guide on how to edit, how to rectify errors, etc.

4.1.2 Members feedback that they cannot get the support when they call up the IRB, including the e-filing hotline, because either no one takes the call or they cannot answer the problems raised satisfactorily. We understand that



FROM :BHG PERANCANGAN &DASAR OPERASI FAX NO. :0362035425 Aug. 06 2008 12:12PM P1

the IRB may not have the necessary experienced staff, hopefully with the improvement in dissemination of information it will reduce the burden of taxpayers calling the call centre.

***LHDNM:***
***Manual pengguna yang disediakan akan disemak semula dan akan diperkemaskan bagi kegunaan pengguna. Ejen cukai dan penyedia perisian akan diberi masa yang cukup untuk menguji sistem e-Filing.***

***Adalah dijangka borang manual akan siap sepenuhnya pada akhir bulan Oktober 2008, begitu juga borang elektronik.***
***Sistem e-Filing Tahun Taksiran (T/T) 2008 dijangka akan dilancarkan pada 1 Mac 2009.***
***Talian e-latihan untuk borang selain syarikat T/T 2008 dijangka akan dibuka pada bulan Disember 2008.***

---

4.1.3 Currently there is no permanent trial site where taxpayers can try out the e-filing system without committing to e-file. This is an important feature as it is a way to establish taxpayer confidence to e-file.

***LHDNM:***
***Talian e-latihan sistem e-Filing (e-C dan e-R 2008 serta borang-borang lain bagi T/T 2007) telah dibuka pada 15 Julai 2008 dan akan dilanjutkan sehingga bulan Disember. Tujuan utama e-latihan ini ialah ujian ke atas integrasi sistem perisian percukaian berkomputer kepada sistem e-Filing LHDNM. Oleh itu e-latihan ini hanya terbuka kepada penyedia perisian sahaja buat masa ini dan dijangka akan dibuka kepada ejen cukai pada bulan November. Sebarang pindaan akan dimaklumkan.***

---

4.2 Borang e-BE does not provide a field to enter a new passport number unlike Borang e-M. Hence, when resident expatriate employees renew their passports, tax agents are unable to update their passport numbers.

***LHDNM:***
***Bersetuju untuk menambah medan no. pasport baru pada e-borang (e-BE / e-B) dan juga pada borang manual.***

---

4.4 The IRB has informed taxpayers that they do not have to file their Return Form B as their income is not taxable for year of assessment (YA) 2006, and hence no return forms were issued to them for YA 2007.The Institutes would like to seek clarification from IRB on this issue. The Institutes are of the view that the taxpayers still need to file their tax returns to ascertain their accumulated business losses and unabsorbed capital allowances todate.

***LHDNM:***
***Kriteria borang nyata tidak dikeluarkan bagi kes tidak layak dikenakan cukai hanya terpakai kepada Borang BE sahaja. Kriteria ini tidak terpakai***



ROM :BHG PERANCANGAN &DASAR OPERASI FAX NO. :0362035425 Aug. 06 2008 12:25PM P1

*untuk borang-borang lain. Borang nyata juga tidak dikeluarkan kepada pembayar cukai yang menggunakan e-Filing. Pembayar cukai baru juga dinasihatkan supaya menggunakan kemudahan sistem e-Filing.*

**3.3** Isu 5.0 FEEDBACK ON EXISTING TAX AGENT E-FILING MODULE (TAeF SYSTEM)

5.1 Rigid Work Group Structure and Unauthorized Filing

It is generally felt that the tax agents' e-filing (TAeF) system is encroaching to the management of tax agents business, particularly the introduction of a rigid work group structure. This has complicated the system and cause lot of confusion and problems. For example, there are cases where a tax agent is working for two or more tax firms. There are also sole proprietors who operate two to three branches with the help of experienced tax staff.

The security issues, control requirements and procedure of workflow are therefore different. It will be a huge task for the IRB to design a system that fits in the existing business arrangement of all tax agents.

The TAeF system does not allow the system administrator to prepare e-forms unless he is also registered as a tax agent. In practice, system administrators are generally one of the senior tax professionals who do edit e-Forms and supervise e-filing.

The current setting allows anyone entering the system and filling up the form to send and efile, thus creating potential non-authorised filing. There is concern that staff completing the e-Borang, attach the Tax Agent DigiCert may accidentally press "hantar" instead of saving the e-Borang.

Other restrictions include the fact that the user can only view the list of taxpayers' portfolio if the taxpayers' profile were created by using the user's own ID. The user cannot view the Status e-Borang if the taxpayer's profile was not keyed in using his ID. However, the user can still view the status of the taxpayer in e-Borang (Selia). In practice, the portfolio of taxpayers is created by the staff and the Supervisor cannot view the Status e-Borang except through the e-Borang (Selia). However, where there are cross-reporting by staff, the system will become a hindrance to supervision.

The Institutes propose that IRB should consider disclosing the necessary IT details so as to allow the taxpayers/tax agents/software service providers to export their information to the IRB system without having to key in the data again. This would greatly facilitate e-filing and help many organizations to opt for e-filing. As IRB has already experienced re-keying in takes up so much unproductive time and is prone to errors.



FROM :BHG PERANCANGAN &DASAR OPERASI FAX NO. :0362035425 Aug. 06 2008 12:31PM P1

The Institutes are also of the view that the linear workgroup organizations/ structures should be modified to facilitate administration. It should not fix the restrictions in assigning jobs and accessing taxpayers' files. Such rights should be granted to the System Administrator of the firm who will determine the assignment of the job and accessibility of the file according the each firm requirement. A good system should be flexible enough to cater for any organization structure within the taxpayers/tax agents firms. This could solve a lot of problems for the IRB.

The Institutes propose that access rights be re-designed into two categories:
Normal User --- one who can register, perform preparatory work and fill up e-Form but cannot submit the e-form;

Authorized User --- one who can register, perform preparatory work and fill up e-Form, view/edit all e-forms within the firm and online submit the e-form; The roles and access rights of the systems administrator and tax agent shall remain intact EXCEPT that the system administrator should be allowed to assume the additional role as an authorized user.

***LHDNM:***
***Mesyuarat dimaklumkan terdapat 3 peringkat dalam struktur sistem TAeF sekarang iaitu:***
***(i) ejen cukai***
***(ii) penyelia***
***(iii) staf***
***Fungsi utama penyelia ialah untuk mengujudkan kawalan dalaman firma. Persatuan Akauntan diminta untuk memberi kata putus sama ada hendak menggugurkan peranan penyelia dalam TAeF pada mesyuarat 6 Ogos 2008.***

***Mesyuarat bersetuju untuk mengekalkan peranan pentadbir sistem sebagai penyenggaraan sistem TAeF sahaja dan ejen cukai dinasihatkan supaya tidak melantik pegawai yang senior dalam firma tersebut sebagai pentadbir sistem.***

***Berkenaan dengan permintaan ejen cukai supaya sistem TAeF dibuka untuk membenarkan seorang ejen cukai mewakili lebih daripada satu firma, mesyuarat dimaklumkan bahawa dalam sistem TAeF sekarang ini, sijil digital ejen cukai dan juga pengesahan penerimaan memaparkan nama firma yang diwakilinya. Bagi membenarkan sistem mendaftarkan ejen cukai yang mempunyai lebih daripada satu firma, perubahan struktur sistem yang besar perlu dibuat untuk membenarkan proses sedemikian. Perkara ini akan dibawa untuk perbincangan lebih lanjut dengan pihak Digi Cert.***

***Untuk menyelesaikan masalah ini, dicadangkan supaya menambah ruangan maklumat firma ejen cukai yang menyediakan e-borang tersebut untuk diinput oleh ejen cukai seperti yang terdapat pada borang manual sekarang.***



ROM :BHG PERANCANGAN &DASAR OPERASI FAX NO. :0362035425 Aug. 06 2008 12:32PM P1

***Y. Bhg. Dato' Pengerusi meminta Persatuan Akauntan memberi pengesahan sama ada sistem TAeF boleh dibuka untuk membenarkan ejen cukai mendaftar lebih dari satu firma ejen cukai.***
***Keputusan akan dibuat semasa mesyuarat 6 Ogos 2008.***

**4 PERKARA-PERKARA BERBANGKIT**

**4.1** LHDNM menyarankan supaya kerjasama perlu diadakan di antara penyedia perisian dengan Persatuan Akauntan untuk menjalankan ujian/semakan ke atas ruangan, had maksimum tuntutan dan validasi sistem perisian berkomputer kecuali integrasi dari aspek teknikal yang memerlukan nasihat daripada LHDNM. Dengan ini dapat meminimumkan masalah semasa proses integrasi sistem perisian percukaian berkomputer kepada sistem e-Filing LHDNM. Proses validasi ke atas sistem perisian berkomputer pihak penyedia perisian tidak sepatutnya dijalankan oleh LHDNM.

Persatuan Akauntan memaklumkan bahawa sistem e-Filing T/T 2007 tidak membenarkan pengisian kod perniagaan sekiranya ruangan pendapatan perniagaan tidak diisi (tiada pendapatan perniagaan). Perkara ini akan disemak oleh LHDNM.
Y. Bhg. Dato' Pengerusi memaklumkan bahawa sebarang pindaan ke atas sistem e-Filing akan dimaklumkan dan penyedia perisian perlu mematuhi sepenuhnya.

**4.2** Mesyuarat memaklumkan satu Helaian Kerja yang ringkas akan disediakan bagi membantu pembayar cukai mengumpulkan maklumat yang patut sebelum pengisian *online* dalam sistem e-Filing. Dengan ini dapat menjimatkan masa *online* memandangkan sistem e-Filing hanya membenarkan 10,000 pengguna dalam masa serentak.

Persatuan Akauntan mencadangkan supaya borang bagi pembayar cukai yang mempunyai pendapatan penggajian sahaja boleh dipermudahkan lagi. Dalam sistem percukaian di Singapura, hanya 4 data diperlukan bagi cukai individu sementara lain-lain dokumen dan pengiraan cukai disimpan oleh pembayar cukai sendiri untuk tujuan audit.

Mesyuarat dimaklumkan bahawa belum tiba masa lagi untuk mempermudah borang seperti amalan Singapura memandangkan terdapat maklumat-maklumat yang perlu disalurkan kepada Kementerian Kewangan jika diminta. Walau bagaimanapun, LHDNM akan mengambil maklum cadangan ini.

**4.3** Penyedia perisian memberi maklum bahawa e-latihan ke atas integrasi sistem perisian percukaian berkomputer kepada sistem e-Filing LHDNM bagi e-C dan e-R 2008 adalah lebih mudah berbanding dengan tahun lepas.
Y. Bhg. Dato' Pengerusi menyarankan supaya penyedia perisian menumpukan perhatian ke atas e-C dalam masa dua minggu ini untuk memberi maklum balas kepada jawatan kuasa e-latihan. Sasaran *'Production'* untuk e-C ialah 1 Ogos 2008.

| | | |
|---|---|---|
| | **4.4** | Mesyuarat dimaklumkan bahawa dua perkara penting telah dilaksanakan:<br>(i) 1 Julai 2008 – skima berkenaan garis panduan pengintegrasian telah diberi kepada penyedia perisian<br>(ii) 15 Julai 2008 – talian e-latihan dibuka<br>Penyedia perisian memaklumkan bahawa kod ruangan hanya dibekalkan untuk e-C sahaja tetapi tidak semua ruangan dibekalkan. Adalah dicadangkan agar LHDNM memberikan peraturan, garis panduan dan prosedur pengintegrasian.<br><br>Mesyuarat menjelaskan bahawa pihak LHDNM hanya menyediakan platform dan garis panduan penggunaan dan bukannya membantu dalam pembangunan sistem penyedia perisian, sebenarnya telah terdapat beberapa penyedia perisian berjaya dalam pengintegrasian sistem e-Filing dengan usaha sendiri. |
| | **4.5** | Encik Mohammed Noor memaklumkan bahawa terdapat pembayar cukai dan juga ejen cukai yang menggunakan borang nyata tahun kebelakangan untuk melaporkan pendapatan tahun semasa dengan membuat pembetulan sendiri pada 'Tahun Taksiran' yang *"pre-printed"* atas borang. Keadaan ini hanya dibenarkan bagi kes pembubaran syarikat sahaja. Walau bagaimanapun, pembayar cukai dinasihatkan supaya mendapatkan borang-borang tahun kebelakangan daripada cawangan atau borang pdf dari laman web.<br>Proses imbasan *(forward capture)* tidak membenarkan penggunaan borang tahun kebelakangan untuk cukai semasa.<br>Y. Bhg. Dato' Pengerusi meminta Pusat Pemprosesan mengemukakan nama ejen cukai yang berbuat demikian untuk tindakan selanjutnya. |
| | **4.6** | Isu-Isu dan cadangan lain berhubung teknologi maklumat dalam memorandum bertarikh 14 Mei 2008 dan juga isu-isu daripada penyedia perisian yang bertarikh 16 Julai 2008 akan dibincangkan dengan lebih lanjut dalam mesyuarat *IT Subworking Group (ITSWG)* pada 6 Ogos 2008 nanti. Dua orang wakil persatuan akauntan dijemput hadir bersama dalam mesyuarat tersebut. |
| | **4.7** | Mesyuarat *Working Group* seterusnya dijangka akan diadakan pada 12 September 2008. |
| **5** | **PENUTUP**<br>Y. Bhg. Dato' Pengerusi mengucapkan terima kasih kepada semua yang hadir dan menamatkan mesyuarat pada pukul 11.15 pagi. | |

Disediakan oleh:

..........................................

(Ooi Chooi Peng)
Bahagian Operasi, JPH

Disahkan oleh:

..........................................

(Y Bhg Dato' Dr. Mohd Shukor bin Hj. Mahfar)
Timbalan Ketua Pengarah (Operasi)



ROM :BHG PERANCANGAN &DASAR OPERASI FAX NO. :0362035425 Aug. 06 2008 12:34PM P1